

## ABSTRAK

Kajian ini adalah analisis mengenai nilai teras integriti yang terdapat dalam hadith Nabi s.a.w. merujuk kepada *al-Ṣaḥīḥayn* iaitu hadith di dalam *Ṣaḥīḥ Imām al-Bukhārī* dan *Imām Muslim*. Kefahaman terhadap nilai teras yang menjadi dasar kepada integriti itu dibincangkan dalam bab satu disertasi ini. Nilai amanah dijadikan sebagai nilai teras integriti berdasarkan sifatnya yang dominan dan merentasi nilai-nilai agama lain. Pemilihan nilai amanah ini bukan semata-mata berdasarkan sifatnya yang *universal* itu bahkan nilai kesucian "*Qudūsnya*" itu digali dari matan hadith Nabi s.a.w. menambahkan lagi mutu integriti itu bukan setakat amalan duniawi sahaja bahkan berpanjangan hingga ke ukhrawi ini diterangkan di dalam bab dua. Seterusnya kajian ini mengupas kefahaman dan amalan kakitangan pentadbiran Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam terhadap integriti dan nilai amanah sebagai nilai teras integriti yang didasari oleh sifat-sifat mahmudah dan mazmumah. Kajian ini menggunakan metod analisis deskriptif untuk menghurai frekuensi dan kebolehpercayaan kajian (*cronbachs alpha*) terhadap item-item yang dikemukakan. Hasil kajian dalam bab empat menunjukkan bahawa tahap kefahaman kakitangan pentadbiran UiTM Shah Alam terhadap integriti adalah tinggi dan tahap memahami integriti yang dirujuk kepada pembentukan nilai amanah sebagai nilai teras berdasarkan Hadith Nabi juga adalah memuaskan. Kajian ini juga turut dapat membuktikan persetujuan responden terhadap amalan kerja berintegriti dianggap sebagai satu ibadah.

## ABSTRACT

This study is an analysis about core value of integrity which derived from hadith Prophet SAW referred to *al-Ṣaḥīḥayn* which is hadith in *ṣaḥīḥ Imām al-Bukhārī* and *Imām Muslim*. The understanding towards core principle which become core value to the integrity had been discussed in chapter one. The choosing of *honest* principle as the core value of integrity is based on its dominant characteristic and go beyond the values of other religion. The choosing of honesty not only based on its universal characteristics but also on its sacred “*qudūs*” taken from *matan hadīth* Prophet SAW had increased the value of integrity not only in mundane practices but also prolong to the hereafter, had been discussed in chapter two. Furthermore, this study scrutinize the understanding and practices among administrative staff of Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam towards integrity and value of *honesty* as core principles of integrity based on *maḥmūdah* and *madhmūmah* characteristic. This study used analysis descriptive method in describing the frequencies and reliability (cronbachs alpha) towards shown items. Result of the study in chapter four shows that the level of understanding among administrative staff of UiTM Shah Alam towards integrity is high, and level of understanding the integrity which referred to the creation of *honest* value based on Prophet *hadith* also at satisfaction level. The study also shows the respondents consent towards works with integrity being considers as an *ibādah*.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah setinggi kesyukuran kehadiran Allah s.w.t di atas limpah kurnia dan anugerah-Nya disertasi ini berjaya akhirnya disiapkan. Pertamanya penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Penyelia disertasi ini, Dr. Faisal Bin Ahmad Shah yang telah menyelia dan banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar dan dorongan sehingga siap disertasi ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Prof. Madya Dr S. Salahuddin Suyurno, yang banyak membimbing penyelidik, memberi komentar, tunjuk ajar, kata-kata semangat dan pandangan bagi menyempurnakan disertasi ini.

Ucapan terima kasih juga kepada Professor Dr Hj. Mohamad Rahimi Osman Pengarah ACIS, Tuan Haji Subkhi Hj. Shaien, Pengarah Pusat Islam ACIS, rakan-rakan seperjuangan di atas segala pengorbanan yang dicurahkan dan bantuan yang dihulurkan dari awal disertasi ini ditulis sehinggalah sampai ke penghujungnya.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Isteri tersayang Roni Hj. Musa, anak-anak Mohd. Azamuddin, Mohamad Arifuddin, Mohamad Ashrafuddin dan Mohd.Aimanuddin yang secara tidak langsung memberi dorongan dan sentiasa berdoa demi kejayaan penyelidik. Mudah-mudahan segala usaha ini dikira sebagai amal soleh, dan ilmu yang dapat dimanfaatkan serta mendapat keredhaan Allah S.W.T.

Hanafi Bin Hamdani

7 Mei 2013

Jabatan Al-Quran dan al-Hadith

(27 Rejab 1434)

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya.

## SENARAI RINGKASAN

|         |  |
|---------|--|
| c.      | Cetakan                                      |
| CITU    | Centre For Islamic Thought And Understanding |
| Dr.     | Doktor                                       |
| Hj.     | Haji   |
| Ibid.   | Ibidem                                       |
| j.      | Jilid/Juzuk                                  |
| JPbSM   | Jabatan Pembangunan Sumber Manusia           |
| M.      | Masihi                                       |
| no.     | Nombor                                       |
| Prof.   | Professor                                    |
| r.a     | Raḍiya Allāh ‘anhu                           |
| r.a.ha. | Raḍiya Allāh ‘anhā                           |
| s.a.w   | Ṣallā Allāh alaihi wasallam                  |
| s.w.t   | Subḥānahu Wa Tā‘alā                          |
| t.p     | tanpa penerbit                               |
| t.t     | tanpa tahun/tarikh                           |
| UiTM    | Universiti Teknologi MARA                    |